

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan produk ini. Sila pastikan juga untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat dalam Surat Tawaran. Dapatkan penerangan daripada pegawai kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen atau terma-terma ini.

Pembiayaan Kenderaan-i – Motosikal Berkuasa Tinggi

Tarikh: 1 Jun 2024

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Kemudahan Pembiayaan Kenderaan-i – Motosikal Berkuasa Tinggi (Kemudahan) ialah pembiayaan berjangka yang dikira berdasarkan kadar tetap. Pembiayaan ini membolehkan anda memiliki motosikal berkuasa tinggi (“kenderaan”) idaman di bawah kontrak Murabahah (Murabahah kepada Orang yang Menempah).

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Kemudahan ini menggunakan prinsip Syariah Murabahah kepada Orang yang Menempah (“MPO”) merujuk kepada kontrak jualan dengan pendedahan harga kos dan keuntungan kepada Pelanggan yang menempah kenderaan, mengikut aturan berikut:

- i. Pelanggan memilih kenderaan dan membayar bayaran muka kepada pengedar/ pemilik kenderaan yang akan ditolak daripada Harga Jualan Bank Islam;
- ii. Pelanggan kemudiannya memohon untuk Kemudahan yang tertakluk kepada kelulusan Bank Islam;
- iii. Setelah kelulusan Kemudahan oleh Bank Islam, Pelanggan beraku janji (Wa`d) untuk membeli kenderaan daripada Bank Islam dan menerima pelantikan sebagai Ejen Belian (Wakalah) Bank Islam untuk membeli kenderaan tersebut daripada pengedar/ pemilik kenderaan;
- iv. Pengedar/ pemilik kenderaan akan mengeluarkan invoice yang menjadi pencetus bagi pelaksanaan transaksi pembelian kenderaan oleh Bank Islam daripada pengedar/ pemilik kenderaan melalui Pelanggan (sebagai Ejen Belian Bank Islam) pada harga kos;
- v. Setelah Bank Islam memiliki kenderaan tersebut, Bank Islam akan menjual kenderaan kepada Pelanggan pada harga kos berserta keuntungan (Murabahah) yang bersamaan dengan Harga Jualan Bank Islam dengan bayaran secara tangguh melalui pelaksanaan Kontrak Jualan Murabahah dan penyerahan kenderaan akan dibuat secara terus kepada Pelanggan;
- vi. Pelanggan mencagarkan kenderaan kepada Bank Islam sebagai sekuriti/ cagaran; dan
- vii. Bank Islam akan menyempurnakan dokumen-dokumen yang terlibat sebelum pengeluaran Kemudahan dibuat kepada pengedar/ pemilik kenderaan.

3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Margin Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Margin pembiayaan hingga 70% daripada harga <i>on-the-road</i> (“OTR”) untuk Pembiayaan Kenderaan-i – Motosikal Berkuasa Tinggi biasa. Margin pembiayaan hingga 80% daripada harga OTR untuk kenderaan baharu dan hingga 70% daripada harga OTR untuk kenderaan dibaik pulih yang tidak berdaftar, di bawah pakej khas. 																					
Amaun Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Amaun pembiayaan minimum: RM50,000.00. Amaun pembiayaan maksimum: RM250,000.00. 																					
Tempoh Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh pembiayaan minimum: 3 tahun. Tempoh pembiayaan maksimum: 7 tahun. 																					
Kadar Keuntungan	<p>Kadar Tetap untuk Pembiayaan Kenderaan-i - Motosikal Berkuasa Tinggi seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Untuk permohonan biasa: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 40%;">Jenis Kenderaan</th> <th style="width: 20%;">Tempoh Pembiayaan (tahun)</th> <th style="width: 40%;">Kadar Tetap (% setahun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Semua kenderaan baharu:</td> <td style="text-align: center;">3 - 5</td> <td style="text-align: center;">4.30</td> </tr> <tr> <td>(a) Diimport sepenuhnya (CBU)</td> <td style="text-align: center;">6 - 7</td> <td style="text-align: center;">4.60</td> </tr> <tr> <td>(b) Pemasangan tempatan (CKD)</td> <td style="text-align: center;">3 - 5</td> <td style="text-align: center;">4.70</td> </tr> <tr> <td>Kenderaan dibaik pulih yang tidak berdaftar (kurang dari 3 tahun)</td> <td style="text-align: center;">6 - 7</td> <td style="text-align: center;">5.00</td> </tr> </tbody> </table> Untuk pakej khas: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 40%;">Jenis Kenderaan</th> <th style="width: 20%;">Tempoh Pembiayaan (tahun)</th> <th style="width: 40%;">Kadar Tetap (% setahun)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Semua kenderaan baharu:</td> <td style="text-align: center;">3 - 5</td> <td style="text-align: center;">4.25</td> </tr> </tbody> </table> 	Jenis Kenderaan	Tempoh Pembiayaan (tahun)	Kadar Tetap (% setahun)	Semua kenderaan baharu:	3 - 5	4.30	(a) Diimport sepenuhnya (CBU)	6 - 7	4.60	(b) Pemasangan tempatan (CKD)	3 - 5	4.70	Kenderaan dibaik pulih yang tidak berdaftar (kurang dari 3 tahun)	6 - 7	5.00	Jenis Kenderaan	Tempoh Pembiayaan (tahun)	Kadar Tetap (% setahun)	Semua kenderaan baharu:	3 - 5	4.25
Jenis Kenderaan	Tempoh Pembiayaan (tahun)	Kadar Tetap (% setahun)																				
Semua kenderaan baharu:	3 - 5	4.30																				
(a) Diimport sepenuhnya (CBU)	6 - 7	4.60																				
(b) Pemasangan tempatan (CKD)	3 - 5	4.70																				
Kenderaan dibaik pulih yang tidak berdaftar (kurang dari 3 tahun)	6 - 7	5.00																				
Jenis Kenderaan	Tempoh Pembiayaan (tahun)	Kadar Tetap (% setahun)																				
Semua kenderaan baharu:	3 - 5	4.25																				

(a) Diimport sepenuhnya (CBU)	6 - 7	4.40
(b) Pemasangan tempatan (CKD)		
Kenderaan dibaik pulih yang tidak berdaftar (kurang dari 3 tahun)	3 - 5	4.50
	6 - 7	4.70

Nota:
i. Keuntungan dikira secara bulanan berdasarkan kepada Sum of Digit.
ii. Sila rujuk laman sesawang Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami untuk informasi terkini.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Ilustrasi:

Amaun Pembiayaan	RM 50,000.00
Tempoh Pembiayaan	7 tahun
Kadar Keuntungan	5.00% setahun
Harga Jualan Bank	RM67,500.00
Ansuran Bulanan	RM804.00

Ansuran bulanan dikira menggunakan formula di bawah:

$$[(P \times R \times T) + P] / t$$

di mana:

- P = Amaun Pembiayaan yang diluluskan
- R = Kadar Keuntungan setahun
- T = Tempoh Pembiayaan (dalam tahun)
- t = Tempoh Pembiayaan (dalam bulan)

- Sila ambil perhatian, jumlah dan kadar di atas adalah ilustrasi sahaja. Jumlah kemudahan yang diluluskan, tempoh dan kadar keuntungan adalah berdasarkan kepada kriteria kelulusan oleh Bank dan mungkin berbeza dari di atas
- Penting: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran anda tidak akan berubah sepanjang tempoh pembiayaan seperti berikut:

Keterangan	Hari ini 5.00% setahun (kadar tetap)
Ansuran bulanan	RM 804.00
Ansuran bulan terakhir	RM 768.00
Jumlah keuntungan pada akhir 7 tahun	RM 17,500.00
Jumlah amaun bayaran pada akhir 7 tahun	RM 67,500.00

Nota: Ansuran bulanan dan jumlah bayaran adalah berdasarkan ilustrasi di atas.

- Anda dikehendaki menjelaskan semua ansuran bulanan seperti yang telah dinyatakan dalam Surat Tawaran melalui Potongan Gaji oleh majikan atau Pindahan Gaji dengan Pindahan Dana Automatik atau Arahan Tetap setelah pengeluaran penuh dibuat sehingga akaun pembiayaan selesai keseluruhannya.
- Sekiranya Potongan Gaji yang dibuat oleh majikan belum lagi bermula, anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran bulanan tepat pada masanya dan hendaklah dibayar seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.
- Pada tarikh tamat kemudahan pembiayaan, anda perlu menyelesaikan semua baki belum berbayar atau Bank Islam boleh memanjangkan tempoh pembiayaan untuk penyelesaian kemudahan melalui bayaran ansuran bulanan pada amaun yang dipersetujui. Jika tempoh pembiayaan yang diberi melebihi umur bersara, anda masih bertanggungjawab untuk membayar bayaran ansuran bulanan. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk menyelesaikan kemudahan pembiayaan pada bila-bila masa sebelum sampai umur bersara.

5. Apakah caj-caj lain yang perlu saya bayar?

Jenis Caj	Amaun dan Perincian Caj
Duti Setem	Seperti mana Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989) i. RM10 untuk Surat Tawaran berserta Terma-terma dan Syarat-syarat ii. RM10 untuk Surat Kuasa Wakil iii. RM10 untuk Perjanjian Jaminan sekiranya penjamin diperlukan

Pembatalan kemudahan yang diberikan

Anda perlu menjelaskan semua kos di atas termasuk kos-kos lain yang telah ditanggung oleh Bank (jika ada) untuk penyediaan dan pendaftaran dokumen sekuriti yang berkaitan dengan kemudahan ini termasuk sebarang perbelanjaan yang dicalah semasa proses tuntutan apabila kemudahan ini dibatalkan.

6. Adakah Bank memerlukan bayaran pendahuluan?

Tidak.

7. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Pelanggan perlu membayar pampasan kepada pihak Bank ke atas sebarang kos sebenar yang ditanggung pihak Bank yang disebabkan pelanggaran janji (Wa`d) dan aku janji untuk membeli kenderaan daripada Bank.
- Caj ganti rugi (Ta`widh) ekoran lewat bayaran akan dikenakan seperti berikut:

Sebelum Tarikh Matang Kemudahan	Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas tunggakan ansuran dikira sehingga tarikh penyelesaian penuh.
Selepas Tarikh Matang Kemudahan	Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) dikira ke atas baki pembiayaan iaitu baki Harga Jualan setelah ditolak rebat (Ibra'), jika ada.
Hutang Selepas Penghakiman	Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian IIMM ke atas jumlah penghakiman asas dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Nota: Pengenaan Ta`widh adalah dengan cara yang diluluskan oleh BNM dari semasa ke semasa.

- Apabila berlaku kemungkiran:
 - Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada anda dan/atau penjamin.
 - Bank berhak untuk menolak deposit anda atau mana-mana akaun lain yang diselenggara oleh Bank bagi penyelesaian bayaran tertunggak di bawah kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas anda sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan. Bank boleh melaksanakan haknya ke atas apa-apa sekuriti yang dicagarkan dengan Bank dan anda perlu menanggung semua kos terlibat. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembiayaan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa hadapan; dan
 - Kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank mungkin tercetus.

8. Bagaimanakah jika saya menyelesaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

- *Lock in period* tidak terpakai bagi kemudahan ini dan Bank akan memberikan Ibra' ke atas Keuntungan Tertangguh setelah penyelesaian penuh dibuat.
- Formula Ibra' adalah seperti berikut:

Ibra' (rebat) bagi penyelesaian awal = Keuntungan Tertangguh

Nota:

- Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan Kontrak – Keuntungan Terakru.
- Jumlah Keuntungan Kontrak = Baki Harga Jualan Bank Islam – Harga Belian Bank Islam (atau Amaun Pembiayaan).
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif bagi Harga Belian Bank Islam yang belum dijelaskan dan yang telah dikeluarkan (atau digunakan).

9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Pelanggan dikehendaki mendapatkan perlindungan Takaful/ Insurans Motor Komprehensif bagi kenderaan yang dibiayai sepanjang tempoh pembiayaan.
- Pelanggan juga dikehendaki mendapatkan Pelan Takaful Pembiayaan Kenderaan (AFTP) bagi memberi perlindungan Takaful dengan jumlah perlindungan ketika kematian atau Keilatan Menyeluruh dan Kekal kepada orang yang dilindungi.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Keperluan untuk penjamin adalah berdasarkan setiap kes masing-masing. Kenderaan yang dibiayai akan dicagarkan sebagai cagaran.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami berkenaan apa-apa perubahan terhadap butiran perhubungan anda bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya. Bagi mengemas kini butiran perhubungan anda, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis atau lawati cawangan Bank Islam berhampiran.

12. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut atau untuk membuat aduan?	
<p>Jika anda menghadapi kesulitan untuk menjelaskan ansuran bulanan, anda dinasihatkan untuk menghubungi kami dengan segera bagi membincangkan mengenai pilihan bayaran di:</p> <p>Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03 26 900 900 Faks: 03 2782 1337 E-mel: contactcentre@bankislam.com.my</p>	<p>Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan khidmat percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:</p> <p>Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. Tel: 03 2616 7766 Faks: 03 2616 7601 Laman sesawang: www.akpk.org.my</p>
<p>Jika anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:</p> <p>Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 17, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03 26 900 900 Faks: 03 2782 1337 E-mel: customercare@bankislam.com.my</p>	<p>Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:</p> <p>Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1 300 88 5465 Faks: 03 2174 1515 E-mel: bnmtelemail@bnm.gov.my</p>
13. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?	
<p>Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Pembiayaan Kenderaan-i – Motosikal Berkuasa Tinggi, sila rujuk di cawangan Bank Islam terdekat di seluruh negara atau layari laman web Bank Islam di www.bankislam.com.</p>	
14. Pakej-pakej lain Pembiayaan Kenderaan-i yang ada?	
<p>Pembiayaan Kenderaan-i dan Pembiayaan Kenderaan-i GradONE</p>	
<p>PERINGATAN PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR ANSURAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KENDERAAN-i – MOTOSIKAL BERKUASA TINGGI ANDA.</p>	

Nota:

- Keuntungan dan caj-caj yang dinyatakan di atas mungkin akan berubah dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Bank.
- Semua maklumat yang diberikan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai **1 Jun 2024**.

Pengesahan oleh pelanggan,

.....

Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: